

Home / Terkini /

Kelington catat peningkatan untung bersih kepada RM20.3 juta bagi 2QFY23 berbanding RM13.9 juta pada tahun sebelumnya



TERKINI - 18 Aug 2023 05:44 PM



DagangNews.com

Kelington catat peningkatan untung bersih kepada RM20.3 juta bagi 2QFY23 berbanding RM13.9 juta pada tahun sebelumnya



Oleh NOR AZAN FITRI AHMAD HIDZIR

azan@dagangnews.com

KUALA LUMPUR 18 Ogos - Untung bersih Kelington Group Berhad meningkat kepada RM20.3 juta bagi suku kedua berakhir 30 Jun 2023 (2QFY23) berbanding RM13.9 juta yang dicatatkan pada tahun sebelumnya.

Kumpulan itu mencatatkan peningkatan hasil kepada RM424.9 juta bagi suku sama berbanding RM312.4 juta pada suku kedua berakhir tahun lalu.

Segmen gas industri meneruskan prestasi menaiknya pada suku kedua tahun ini dengan pengeluaran yang lebih tinggi kerana permintaan lebih tinggi untuk karbon dioksida cecair daripada pasaran tempatan dan eksport.

"Hasil meningkat sebanyak 146% kepada RM28.7 juta, berbanding RM11.7 juta pada suku kedua tahun lalu.

"Margin keuntungan kasar menunjukkan sedikit peningkatan, meningkat kepada 10.8% daripada 10.4% pada 2Q2022, terutamanya disebabkan oleh perubahan dalam komposisi hasil," katanya dalam satu makluman kepada Bursa Malaysia, hari ini.

Hasil Kumpulan meningkat sebanyak 51% kepada RM733.8 juta pada enam bulan 2023 berbanding RM485.7 juta dalam tempoh yang sama tahun sebelumnya.

"Ini didorong oleh sumbangan daripada bahagian UHP dan Kejuruteraan Proses serta peningkatan permintaan dalam bahagian gas industri.

"Hasil daripada bahagian UHP meningkat 55% kepada RM471.3 juta dalam enam bulan tahun ini berbanding RM304.4 juta pada senam bulan tahun lalu sebahagian besarnya disebabkan oleh pengiktirafan projek yang lebih tinggi di Malaysia, Singapura dan China," katanya.

Kumpulan itu terus menikmati kadar penambahan tempahan yang sihat merentas segmen UHP, Kejuruteraan Proses dan Kontrak Am.

Katanya, dalam tempoh enam bulan berakhir 30 Jun 2023, kumpulan telah memperoleh kontrak baharu berjumlah RM744 juta pada 2023.

"Termasuk projek yang dijalankan dari tahun-tahun sebelumnya, jumlah buku pesanan kami berjumlah RM2.44 bilion di mana RM1.77 bilion masih belum dijelaskan.

"Prospek di bahagian gas perindustrian kekal positif apabila permintaan untuk karbon dioksida cecair (LC02) meningkat seiring dengan pemulihan dalam aktiviti ekonomi.

"Kami juga melihat peningkatan dalam permintaan eksport untuk LC02 dari negara-negara Oceania," katanya. - [DagangNews.com](#)